

## SURAH PARA PENYAIR



Surah: 26 Juzuk: 19 Bil. Ayat: 227

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Taa, Siin, Miim.
2. Inilah ayat-ayat al-Quran yang nyata.
3. Jangan pula engkau (wahai Muhammad) membinasakan dirimu dengan menanggung kesedihan kerana mereka tidak menjadi orang yang beriman.
4. Kalau Kami kehendaki, tentulah Kami akan turunkan kepada mereka satu mukjizat dari langit, yang menjadikan mereka tunduk merendahkan diri kepadanya.
5. Tidak datang kepada mereka peringatan yang baru<sup>(1)</sup> daripada (Allah) ar-Rahman, melainkan mereka tetap berpaling mengingkarinya.
6. Oleh kerana mereka telah mendustakan al-Quran, maka sudah tentu akan datang kepada mereka berita-berita (azab) mengenai perkara yang mereka persendakan itu.
7. Tidakkah mereka memerhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang bermanfaat?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

طَسْم ١

تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ٢

لَعَلَّكَ بَلِغٌ قَفْصِكَ أَلَّا يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ٣

إِنْ نَشَاءُ نُنزِلْ عَلَيْهِمْ مِنَ السَّمَاءِ آيَةً فَظَلَّتْ  
أَعْنَاقُهُمْ لَهَا خَاضِعِينَ ٤

وَمَا يَأْتِيهِمْ مِنْ ذِكْرٍ مِنَ الرَّحْمَنِ مُحَدَّثٍ إِلَّا أَكَانُوا  
عَنْهُ مُعْرِضِينَ ٥

فَقَدْ كَذَّبُوا فَسَاءَ لِمَنْ أَنْبَأُوا مَا كَانُوا بِهِ  
يَسْتَهْزِءُونَ ٦

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الْأَرْضِ كَرَاهَتْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ  
كَرِيمٍ ٧

1 iaitu ayat-ayat al-Quran yang baru diturunkan.

8. Sesungguhnya pada semua itu terdapat satu tanda kekuasaan Allah dan kebanyakan mereka tidak juga beriman.
9. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
10. (Ingatlah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: «Hendaklah engkau mendatangi kaum yang zalim».
11. «Iaitu kaum Firaun, tidakkah mereka mahu bertakwa?»
12. Musa berkata: «Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku takut mereka akan mendustakan aku».
13. «Dan akan sempit dadaku serta tidak lancar lidahku. Maka sampaikanlah perintahMu kepada Harun (supaya dia membantuku)».
14. «Malahan mereka mempunyai satu tuduhan jenayah<sup>(1)</sup> terhadapku, maka aku takut mereka akan membunuhku».
15. Allah berfirman: «Jangan sekali-kali! Jangan fikir (akan berlaku apa yang engkau bimbangankan itu)! Pergilah kamu berdua membawa mukjizat-mukjizat Kami, sesungguhnya Kami bersama kamu, mendengar (percakapan mereka)».

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٩﴾

وَإِذْ نَادَى رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنْ أَتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠﴾

قَوْمَ فِرْعَوْنَ أَلا يَتَفَوَّنُ ﴿١١﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾

وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنْطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ  
إِلَىٰ هَارُونَ ﴿١٣﴾

وَلَهُمْ عَلَيَّ ذَنْبٌ فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ ﴿١٤﴾

قَالَ كَلَّا فَاذْهَبَا بِآيَاتِنَا إِنَّا مَعَكُمْ  
مُسْتَمِعُونَ ﴿١٥﴾

1 Nabi Musa a.s telah membunuh seorang lelaki Mesir secara tidak sengaja sewaktu ingin membela kaumnya.

16. «Maka pergilah kepada Firaun, kemudian katakanlah kepadanya: «Sesungguhnya kami adalah utusan Tuhan semesta alam».
17. «Bebaskanlah bani Israel mengikut kami».
18. Firaun menjawab: «Bukankah kami telah memeliharamu dalam kalangan kami semasa engkau baru lahir, dan engkau telah tinggal bersama kami selama beberapa tahun daripada umurmu<sup>(1)</sup>?»
19. «Dan engkau telah melakukan satu perbuatan (jenayah), maka engkau termasuk daripada orang yang tidak mengenang budi?»
20. Musa berkata: «Aku telah melakukannya, ketika itu aku termasuk daripada orang yang sesat».
21. «Lalu aku melarikan diri daripada kamu, ketika itu aku merasa takut kepada kamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan aku ilmu agama dan menjadikan aku seorang rasulNya».
22. «Budimu memeliharaku yang engkau bangkit-bangkitkan itu adalah kerana engkau telah bertindak memperhambakan bani Israel».
23. Firaun berkata (dengan sombongnya): «Dan apa dia Tuhan semesta alam itu?»

فَأْتِيَافِرْعَوْنَ فَقُولَا إِنَّا رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

أَنْ أَرْسِلَ مَعَنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٧﴾

قَالَ لَمْ نَرْبِكُمْ مِمَّا وَوَلَدًا وَلَكِنَّتَ فِيْنَا مِمَّنْ عَمْرِكُ سِنِينَ ﴿١٨﴾

وَفَعَلْتَ فَعَلْتَكَ الْتِي فَعَلْتَ وَأَنْتَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾

قَالَ فَعَلْتُهَا إِذَا وَأَنَا مِنَ الضَّالِّينَ ﴿٢٠﴾

فَفَرَرْتُ مِنْكُمْ لَمَّا خِفْتُكُمْ فَوَهَبَ لِي رَبِّي حُكْمًا وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٢١﴾

وَيَذَلِكُ نِعْمَةً تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿٢٢﴾

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٣﴾

1 Nabi Musa a.s tinggal bersama Firaun daripada kecil sehingga berumur lebih kurang 18 tahun.

24. Musa menjawab: «Dialah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, kalaulah kamu mahu mendapat keyakinan».
25. Firaun berkata kepada orang yang ada di sekelilingnya: «Tidakkah kamu dengar (apa yang dikatakan olehnya)?»
26. Musa menegaskan lagi: «Dialah Tuhan kamu dan Tuhan nenek moyang kamu yang telah lalu».
27. Firaun berkata: «Sebenarnya rasul yang diutuskan kepada kamu ini sungguh gila».
28. Musa berkata lagi: «Dialah Tuhan yang menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya, kalau kamu orang yang berfikir!»
29. Firaun berkata: «Sesungguhnya! Jika engkau menyembah tuhan selain daripadaku, sudah tentu aku akan memenjarakan engkau».
30. Musa menjawab: «Adakah (engkau akan memenjarakan aku juga) walaupun aku membawa kepadamu sesuatu bukti yang nyata?»
31. Firaun berkata: «Kalau demikian, bawalah bukti itu jika engkau daripada orang yang benar».
32. Musa pun mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang nyata.

قَالَ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ  
كُنْتُمْ فَٰؤُوقِينَ ﴿١٤﴾

قَالَ لِمَنْ حَوْلَهُ وَالَآسْتَمِعُونَ ﴿١٥﴾

قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾

قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ الَّذِي أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ  
لَمَجْنُونٌ ﴿٢٧﴾

قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا  
إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

قَالَ لَئِنِ اتَّخَذْتَ إِلَٰهًا غَيْرِي لِأَجْعَلَكَ  
مِنَ الْمَسْجُورِينَ ﴿٢٩﴾

قَالَ أَوْلَوْجِثَّتْكَ بَنِيَّ مِثْنِي ﴿٣٠﴾

قَالَ فَأْتِ بِهِ إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّٰدِقِينَ ﴿٣١﴾

فَأَلْقَى عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿٣٢﴾

33. Dan dia mengeluarkan tangannya, maka tiba-tiba tangannya menjadi putih (bersinar-sinar) bagi orang yang memerhatikan.
34. Firaun berkata kepada ketua-ketua kaum yang ada dikelilinginya: «Sesungguhnya orang ini (Musa) ialah seorang ahli sihir yang mahir».
35. «Dia hendak mengeluarkan kamu dari negeri kamu dengan sihirnya, maka apakah cadangan kamu?»
36. Mereka berkata: «Tangguhkan dulu (sebarang tindakan) terhadapnya dan saudaranya, serta hantarkanlah ke bandar-bandar (negeri Mesir) orang yang mengumpulkan (ahli-ahli sihir)».
37. «Supaya mereka membawa kepadamu semua ahli sihir yang mahir».
38. Lalu dikumpulkan ahli-ahli sihir itu pada satu masa yang ditentukan, pada hari (suatu perayaan) yang termaklum.
39. Dan dikatakan kepada orang ramai: «Berkumpullah kamu semuanya».
40. «Semoga kita (tetap) mengikut (agama) ahli-ahli sihir itu sekiranya merekalah yang menang».
41. Maka ketika ahli-ahli sihir itu datang, mereka berkata kepada Firaun: «Benarkah kami akan mendapat upah sekiranya kamilah yang menang?»

وَنَزَعَ يَدَهُ، فِإِذَا هِيَ بَيْضَاءٌ لِلنَّظِيرِينَ ﴿٣٣﴾

قَالَ لِلْمَلَاحِقَ لَهُ، إِنَّ هَذَا السَّحَرُ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾

يُرِيدُ أَنْ يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ بِسِحْرِهِ، فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿٣٥﴾

قَالُوا أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَأُعَثِّ فِي الْمَدَائِنِ حَاشِرِينَ ﴿٣٦﴾

يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَحَّارٍ عَلِيمٍ ﴿٣٧﴾

فَجُمِعَ السَّحَرَةُ لِمِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿٣٨﴾

وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنتم مَّخْتَمُونَ ﴿٣٩﴾

لَعَلَّآ تَتَّبِعُ السَّحَرَةَ إِنْ كَانُوا هُمُ الْغَالِبِينَ ﴿٤٠﴾

فَلَمَّا جَاءَ السَّحَرَةَ قَالُوا الْفِرْعَوْنَ أَيْنَ لَنَا الْأَنْجَارُ، إِنْ كُنَّا نَحْنُ الْغَالِبِينَ ﴿٤١﴾

42. Firaun menjawab: «Benar, dan sesungguhnya kamu dengan itu akan menjadi orang yang dekat denganku».
43. Musa berkata kepada mereka: «Campakkanlah dulu apa yang kamu hendak campakkan».
44. Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: «Demi kekuasaan Firaun, sesungguhnya kamilah orang yang akan menang».
45. Kemudian Musa pula mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba tongkatnya itu menelan apa yang mereka ada-adakan<sup>(1)</sup> (dengan sihir mereka).
46. Maka ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud.
47. Sambil berkata: «Kami beriman kepada Tuhan semesta alam».
48. «Tuhan Musa dan Harun».
49. Firaun berkata: «Patutkah kamu beriman kepadanya sebelum aku izinkan kamu? Sesungguhnya dialah (Musa) ketua kamu yang mengajar kamu ilmu sihir, maka kamu akan mengetahui kelak (akibatnya). Sesungguhnya aku akan memotong tangan dan kaki kamu secara bersilang kemudian aku akan salib kamu semua».

قَالَ نَعَمْ وَإِنِّي إِذًا لَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٢﴾

قَالَ لَهُمْ مُوسَىٰ أَلْقُوا مَا أَنْتُمْ مُلقُونَ ﴿٤٣﴾

فَأَلْقَوْا حِبَالَهُمْ وَعَصِيَّهَهُمْ وَقَالُوا بِعِزَّتِنَا  
فِرْعَوْنَ إِنَّا لَنَحْنُ الْعَالِيُونَ ﴿٤٤﴾

فَأَلْفَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا  
يَأْفِكُونَ ﴿٤٥﴾

فَأَلْفَىٰ السَّحَرَةَ سَاجِدِينَ ﴿٤٦﴾

قَالُوا آمَنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾

رَبِّ مُوسَىٰ وَهَارُونَ ﴿٤٨﴾

قَالَ أَمَنَّا لَهُ، قَبْلَ أَنْ أَدَّكَ لَكُمْ إِنِّي  
لَكِبْتُ كُرُوكَ الَّذِي عَمَلْتُمْ لَسَوْفَ تَعْلَمُونَ  
لَا قِطْعَانَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ مِنْ خَلْفٍ  
وَلَأَصْلَبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٩﴾

1 Tali-tali dan tongkat-tongkat yang dilemparkan ahli sihir itu bertukar seolah-olah menjadi ular, tetapi semuanya ditelan oleh tongkat nabi Musa a.s yang benar-benar menjadi ular.

50. Mereka menjawab: «Tiada kemudaratan (bagi kami)! Sesungguhnya kami (tidak gentar), kerana kami akan kembali kepada Tuhan kami».
51. «Sesungguhnya kami amat berharap supaya Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang yang mula-mula beriman».
52. (Allah) mewahyukan kepada Musa: «Hendaklah engkau membawa hamba-hambaKu (kaummu) keluar pada waktu malam, sesungguhnya kamu akan dikejar (oleh Firaun dan tenteranya)».
53. (Setelah mengetahui keadaan itu) maka Firaun mengutus (orangnya) ke bandar-bandar (negeri Mesir), untuk mengumpulkan (tenteranya).
54. (Sambil berkata kepada mereka): «Sesungguhnya orang (Musa) itu adalah satu golongan yang kecil».
55. «Dan sesungguhnya mereka telah menyebabkan kita marah».
56. «Dan sesungguhnya kita semua hendaklah sentiasa berjaga-jaga».
57. Maka kami jadikan mereka (Firaun dan tenteranya) keluar meninggalkan kebun-kebun dan mata air-mata air.
58. Serta khazanah-khazanah kekayaan dan tempat tinggal yang mulia.

فَالْوَالِضَّيِّرَاتِ إِلَى رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾

إِنَّا نَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطِيئَاتِنَا إِنَّ كُنَّا  
أَوَّلَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥١﴾

﴿٥٢﴾ وَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِي إِلَيْكُمْ  
مُتَّبِعُونَ ﴿٥٣﴾

فَأَرْسَلَ فِرْعَوْنُ فِي الْمَدَائِنِ حَاشِرِينَ ﴿٥٤﴾

إِنَّ هَذِهِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ ﴿٥٥﴾

وَأَنَّهُمْ لَنَا لَعَّابُونَ ﴿٥٦﴾

وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَادِرُونَ ﴿٥٧﴾

فَأَخْرَجْنَاهُمْ مِنْ جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿٥٨﴾

وَكُنُوزٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ﴿٥٩﴾

59. Demikianlah keadaannya, dan Kami wariskan semua peninggalan Firaun dan tenteranya kepada bani Israel.
60. Maka Firaun dan tenteranya pun mengejar mereka ketika matahari terbit.
61. Setelah kedua-dua kumpulan itu saling melihat, orang Musa berkata: «Sesungguhnya kita akan ditawan».
62. Musa menjawab: «Tidak sekali-kali! Sesungguhnya aku sentiasa disertai oleh Tuhanku, Dia akan menunjuk jalan kepadaku».
63. Lalu Kami wahyukan kepada Musa: «Pukullah laut itu dengan tongkatmu». Maka terbelahlah laut itu (kepada beberapa bahagian), lalu tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar.
64. Dan Kami dekatkan golongan yang lain itu ke situ<sup>(1)</sup>.
65. Maka Kami selamatkan Musa serta semua orang yang bersama dengannya.
66. Kemudian Kami tenggelamkan golongan yang lain (yang mengejarnya).
67. Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.

كَذَلِكَ وَأَوْرَثْنَاهَا بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿٥٩﴾

فَاتَّبَعُوهُمْ مُشْرِقِينَ ﴿٦٠﴾

فَلَمَّا تَرَى الْجُمُعَانَ قَالَ أَصْحَابُ مُوسَى  
إِنَّا لَمُدْرُونَ ﴿٦١﴾

قَالَ كَلَّا إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾

فَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ  
الْبَحْرَ فَأَنْفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿٦٣﴾

وَأَزَلْنَا ثَمَرَهُ الْأَخْرِينَ ﴿٦٤﴾

وَأَنْجَيْنَا مُوسَى وَمَنْ مَعَهُ أَجْمَعِينَ ﴿٦٥﴾

ثُمَّ أَعْرَفْنَا الْأَخْرِينَ ﴿٦٦﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ  
مُؤْمِنِينَ ﴿٦٧﴾

1 iaitu golongan Firaun dan kaumnya.



68. Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
69. Dan bacakanlah pula kepada mereka kisah Ibrahim.
70. Ketika dia berkata kepada bapa dan kaumnya: «Apa yang kamu sembah?»
71. Mereka menjawab: «Kami menyembah berhala-berhala, dan kami kekal menyembahnya».
72. Ibrahim bertanya: «Adakah berhala-berhala itu mendengar ketika kamu menyerunya?»
73. «Atau dapat memanfaatkan ataupun memudaratkan kamu?»
74. Mereka menjawab: «Bahkan kami dapati nenek moyang kami melakukan demikian».
75. Ibrahim berkata: «Sudahkah kamu memerhatikan dan memikirkan apa yang kamu sembah itu?»
76. «(Yang sekian lama disembah oleh) kamu dan nenek moyang kamu yang terdahulu?»
77. «Sesungguhnya berhala-berhala itu ialah musuhku, (aku tidak menyembah) melainkan Tuhan semesta alam».
78. «Tuhan yang menciptakan aku, lalu memberi hidayah kepadaku».
79. «Dan Tuhan yang memberiku makan dan minum».

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٦٨﴾

وَأَنْتَ عَلَيْهِمْ نَبَأٌ إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٧٠﴾

قَالُوا نَعْبُدُ أَصْنَامًا فَنَنْظُرُ لَهَا عَافِيَةً ﴿٧١﴾

قَالَ هَلْ يَسْمَعُونَكُمْ إِذْ تَدْعُونَ ﴿٧٢﴾

أَوْ يَنْفَعُونَكُمْ أَوْ يَضُرُّونَ ﴿٧٣﴾

قَالُوا بَلْ وَجَدْنَا آبَاءَنَا كَذَلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٧٤﴾

قَالَ أَفَرَأَيْتُمْ مَا كَانُوا يَتَعْبُدُونَ ﴿٧٥﴾

أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ الْأَقْدَامُونَ ﴿٧٦﴾

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِيَ الْآرَبِ الْعَالَمِينَ ﴿٧٧﴾

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾

80. «Apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan».
81. «(Dialah) yang mematikan aku, kemudian menghidupkanku».
82. «(Dialah) yang aku harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat».
83. «Wahai Tuhanku, berikanlah aku ilmu agama dan golonganlah aku bersama orang yang soleh».
84. «Jadikanlah bagiku sebutan (pujian) yang baik di kalangan orang yang datang kemudian».
85. «Dan jadikanlah aku daripada orang yang mewarisi syurga an-Na'im».
86. «Ampunkanlah bapakku, kerana sesungguhnya dia adalah daripada orang yang sesat».
87. «Dan janganlah Engkau hinakan aku pada hari makhluk-makhluk dibangkitkan semula».
88. «Hari di mana seluruh harta benda dan anak-anak tidak lagi bermanfaat».
89. «Kecuali orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang bersih».
90. (Pada hari itu) syurga didekatkan bagi orang yang bertakwa.
91. Dan neraka diperlihatkan dengan jelas kepada orang yang sesat.

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

وَالَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِي ﴿٨١﴾

وَالَّذِي أَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ لِي خَطِيئَتِي  
يَوْمَ الَّذِينَ ﴿٨٢﴾

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ ﴿٨٣﴾

وَأَجْعَلْ لِي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ ﴿٨٤﴾

وَأَجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

وَأَغْفِرْ لَأَبِي إِنَّهُ كَانَ مِنَ الضَّالِّينَ ﴿٨٦﴾

وَلَا تُخْزِنِي يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

وَأَرْزَقْتِ الْجَنَّةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٩٠﴾

وَبُرِّزَتِ الْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

92. Lalu dikatakan kepada mereka: «Di mana benda-benda yang kamu sembah dulu?
93. Selain daripada Allah? Dapatkah mereka menolong kamu atau menolong dirinya sendiri?
94. Lalu mereka dan orang yang sesat dihumbankan ke dalam neraka dengan tertiarap, jatuh bangun berulang-ulang.
95. Termasuk bala tentera Iblis semuanya.
96. Mereka berkata sambil bertengkar sesama sendiri dalam neraka.
97. «Demi Allah! Sesungguhnya kami (semasa di dunia dulu) berada di dalam kesesatan yang nyata».
98. «Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam».
99. «Dan tiadalah yang menyesatkan kami melainkan golongan yang berdosa».
100. «Dengan sebab itu, tiada sesiapaupun yang memberi syafaat kepada kami».
101. «Dan tiada juga sahabat karib».
102. «Kalaulah kami dapat ke dunia sekali lagi, pasti kami menjadi orang yang beriman».
103. Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.

وَقِيلَ لَهُمْ أَنْ مَآذِكُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٤٢﴾

مِنْ دُونِ اللَّهِ هَلْ يَضُرُّكُمْ أَوْ يَنْصُرُونَ ﴿٤٣﴾

فَكَذَّبُوا فِيهَا هُمْ وَالْعَاوُنَ ﴿٤٤﴾

وَجُنُودَ إبْلِيسَ أَجْمَعُونَ ﴿٤٥﴾

قَالُوا وَهُمْ فِيهَا يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٦﴾

تَاللَّهِ إِنْ كُنَّا فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٤٧﴾

إِذْ نُسَوِّدُكُمْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٨﴾

وَمَا أَضَلَّتْنَا إِلَّا الْأَمْجُرُونَ ﴿٤٩﴾

فَقَالْنَا مَنْ شَفِيعِينَ ﴿٥٠﴾

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿٥١﴾

فَقَالُوا لَنَا كَرَّةٌ فَنَكُونُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٢﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

104. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
105. (Demikian juga) kaum Nuh telah mendustakan para rasul.
106. Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»
107. «Sesungguhnya aku ini ialah rasul yang amanah, (yang diutus Allah) kepada kamu».
108. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
109. «Aku tidak meminta daripada kamu sebarang ganjaran mengenai apa yang aku sampaikan, ganjaranku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan semesta alam».
110. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
111. Mereka menjawab: «Patutkah kami percaya kepadamu sedangkan engkau hanya diikuti oleh golongan bawahan?»
112. Nuh berkata: «Apakah ada kaitan antara pengetahuanku dengan pekerjaan mereka?»
113. «Sebenarnya hitungan amal mereka terserah kepada Tuhanku, kalaulah kamu menyedari dan memahaminya».

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

إِذْ قَالَ لَهُمُ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١٠٨﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٩﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١١٠﴾

﴿١١١﴾ قَالُوا أَنزَلْنَاكَ إِلَّا رَجُلٌ فَتَاهٌ ۗ فَاذْكُرْ لَنَا سِيْرَ الْآلِ الْأُولَىٰ ﴿١١٢﴾

قَالَ وَمَا عَلِمِي بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١١٣﴾

إِنْ حِسَابُهُمْ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّي لَو تَشْعُرُونَ ﴿١١٤﴾

114. «Dan aku tidak akan menghalau orang yang beriman».
115. «Aku ini hanyalah seorang rasul pemberi peringatan yang nyata».
116. Mereka (mengugut dengan) berkata: «Jika engkau tidak mahu berhenti (daripada menyebarkan agamamu itu) wahai Nuh, sudah tentu engkau akan direjam!»
117. Nuh berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakan aku».
118. «Maka hukumkanlah antara aku dengan mereka dengan hukuman yang tegas, serta selamatkanlah aku dan orang yang beriman yang bersama-sama denganku».
119. Maka Kami selamatkannya dan orang yang bersama-sama dengannya dalam bahtera yang penuh sarat (dengan pelbagai makhluk).
120. Kemudian Kami tenggelamkan golongan (kafir) yang tinggal.
121. Sesungguhnya pada peristiwa itu, terdapat satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.
122. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
123. (Demikian juga) kaum 'Aad telah mendustakan para rasul.

وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٤﴾

إِن أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٥﴾

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنْتَهَ يَنْوُحْ لَتَكُونَنَّ مِنَ  
الْمَرْجُومِينَ ﴿١١٦﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَوْمِي كَذَّبُونِ ﴿١١٧﴾

فَأَفْتَحْ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ فَتْحًا وَنَجِّنِي وَمَنْ مَعِيَ مِنَ  
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

فَأُنَجِّنَاهُ وَمَنْ مَعَهُ فِي الْفُلِّكَ الْمَسْحُونِ ﴿١١٩﴾

ثُمَّ أَعْرَقْنَا بَعْدَ الْبَاقِينَ ﴿١٢٠﴾

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ  
مُؤْمِنِينَ ﴿١٢١﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٢﴾

كَذَّبَتْ عَادَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

124. Ketika saudara mereka Hud berkata kepada mereka: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»
125. «Sesungguhnya aku ini seorang rasul yang amanah (yang diutuskan) kepada kamu».
126. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
127. «Aku tidak meminta daripada kamu sebarang ganjaran mengenai apa yang aku sampaikan, ganjaranku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan semesta alam».
128. «Patutkah kamu mendirikan bangunan-bangunan yang tersergam pada setiap tempat yang tinggi tanpa tujuan<sup>(1)</sup> (yang baik)?»
129. «Dan kamu bersusah payah mendirikan tembok-tembok yang kukuh dengan harapan kamu kekal hidup selamanya?»
130. «Apabila kamu memukul atau menyeksa, kamu melakukannya dengan kejam».
131. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
132. «Bertakwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu apa yang kamu ketahui».

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٢٥﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١٢٦﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٢٧﴾

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ آيَةً تَعْبَثُونَ ﴿١٢٨﴾

وَتَتَّخِذُونَ مَصَابِعَ أَعْيُنِكُمْ قِبَلِكُمْ فَأْتِخِذُونَ ﴿١٢٩﴾

وَإِذَا بَطِشْتُمْ بَطِشْتُمْ جَبَارِينَ ﴿١٣٠﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١٣١﴾

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾

1 mereka sekadar ingin bermewah-mewah dan bermegah-megah.

133. «Dia mengurniakan kamu binatang-binatang ternakan serta anak-anak».
134. «Dan taman-taman serta mata air-mata air».
135. «Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa azab pada hari yang dahsyat<sup>(1)</sup>».
136. Mereka menjawab: «Sama sahaja bagi kami, sama ada engkau beri peringatan atau engkau tidak menjadi pemberi peringatan».
137. «Semua (yang engkau katakan) ini hanyalah adat kebiasaan orang dahulu».
138. «Dan kami pula tidak akan diseksa».
139. Akhirnya mereka mendustakan rasul itu, lalu Kami binasakan mereka. Sesungguhnya pada peristiwa itu, terdapat satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.
140. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
141. (Demikian juga) kaum Thamud telah mendustakan para rasul.
142. Ketika saudara mereka Soleh berkata kepada mereka: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»

أَمْذَكُم بِأَنْعَمِ وَبَيْنٍ ﴿١٣٣﴾

وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾

إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

قَالُوا سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن تَمُرُّ  
الْوَعظِينَ ﴿١٣٦﴾

إِنَّ هَذَا إِلَّا الْإِخْلَاقُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٣٧﴾

وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿١٣٨﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَاهُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا  
كَانَ أَكْثَرَهُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٤٠﴾

كَذَّبَتْ ثَمُودُ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٤١﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَالِحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٤٢﴾

1 hari kiamat.

143. «Sesungguhnya aku ini rasul yang amanah (yang diutuskan) kepada kamu».
144. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
145. «Aku tidak meminta daripada kamu sebarang ganjaran mengenai apa yang aku sampaikan, ganjaranku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan semesta alam».
146. «Adakah (kamu fikir), bahawa kamu akan dibiarkan bersenang-lenang di dunia ini dengan aman?»
147. «Di dalam taman-taman dan mata air-mata air?»
148. «Dan kebun-kebun serta pohon-pohon tamar yang mayangnya lembut?»
149. «Dan kamu memahat sebahagian daripada gunung-ganang sebagai tempat tinggal dengan bersungguh-sungguh?»
150. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
151. «Janganlah kamu taati suruhan orang yang melampaui batas».
152. «Iaitu orang yang melakukan kerosakan di bumi dan tidak membuat kebaikan».
153. Mereka menjawab:  
«Sesungguhnya engkau ini hanyalah salah seorang daripada golongan yang kena sihir!»

إِنِّي لَكُرْسُولُ آمِينٌ ﴿١٤٣﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١٤٤﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عِلَالُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٤٥﴾

أَتَرَكَونَ فِي مَا هُنَاءَ آمِينَ ﴿١٤٦﴾

فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٤٧﴾

وَرُزُوعٍ وَنَخْلٍ طَلْعُهَا هَضِيمٌ ﴿١٤٨﴾

وَتَتَّحَتُونَ مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا فَادِرِينَ ﴿١٤٩﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ﴿١٥٠﴾

وَلَا تَطِيعُوا أَمْرًا مَسْرُوفِينَ ﴿١٥١﴾

الَّذِينَ يَفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿١٥٢﴾

قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ ﴿١٥٣﴾



154. «Engkau hanyalah seorang manusia seperti kami, maka bawakanlah satu tanda (mukjizat) jika engkau daripada orang yang benar».
155. Soleh berkata: «Ini seekor unta betina, ia berhak mendapat giliran minumnya, dan kamu juga pada giliran hari yang tertentu».
156. «Jangan kamu menyakitinya, (jika kamu menyakitinya) maka akibatnya kamu akan dibinasakan oleh azab pada suatu hari yang dahsyat».
157. Akhirnya mereka menikam mati unta itu, kemudian mereka menyesal.
158. Lalu mereka ditimpa azab yang membinasakan. Sesungguhnya peristiwa itu mengandungi satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.
159. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
160. (Demikian juga) kaum Lut telah mendustakan para rasul.
161. Ketika saudara mereka Lut berkata kepada mereka: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»
162. «Sesungguhnya aku ini rasul yang amanah (yang diutuskan) kepada kamu».

مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا فَأْتِ بِآيَةٍ إِنْ كُنْتَ  
مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٥٤﴾

قَالَ هَذِهِ نَاقَةٌ لَهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبُ يَوْمٍ  
مَعْلُومٍ ﴿١٥٥﴾

وَلَا تَمْسُوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ يَوْمٍ  
عَظِيمٍ ﴿١٥٦﴾

فَعَقَرُوهَا فَاصْبِرُوا نَدِمْنَا ﴿١٥٧﴾

فَأَخَذَهُمُ الْعَذَابُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا  
كَانَ أَكْثَرَهُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٥٨﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٥٩﴾

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٦٠﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطُ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٦١﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٦٢﴾

163. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».
164. «Aku tidak meminta daripada kamu sebarang ganjaran mengenai apa yang aku sampaikan, ganjaranku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan semesta alam».
165. «Patutkah kamu melakukan hubungan jenis sesama lelaki daripada kalangan manusia?»
166. «Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu daripada isteri-isteri kamu? Bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas!»
167. Mereka menjawab:  
«Sesungguhnya jika engkau tidak berhenti wahai Lut (daripada mencaci kami), engkau pasti akan diusir keluar!»
168. Lut berkata: «Sesungguhnya aku daripada orang yang bencikan perbuatan keji kamu itu».
169. (Lut berdoa): «Wahai Tuhanku, selamatkanlah aku serta keluarga dan pengikut-pengikutku daripada apa yang mereka lakukan».
170. Maka Kami selamatkan dia serta keluarga dan semua pengikut-pengikutnya.
171. Kecuali seorang perempuan tua<sup>(1)</sup> tertinggal dalam golongan yang kena azab itu.

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ١٦٣

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا  
عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ١٦٤

أَتَأْتُونَ الذَّكَرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ١٦٥

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ  
إِنَّكُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ١٦٦

قَالُوا لَيْنَ لَمْ تَنْتَهَ يَلُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ  
الْمُخْرَجِينَ ١٦٧

قَالَ إِنِّي لَعَمَلِكُمْ مِنَ الْفَالِينَ ١٦٨

رَبِّ يَتَجَنَّبُهَا أَهْلِهَا فَمَا يَمْلِكُونَ ١٦٩

فَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ وَأَجْمَعِينَ ١٧٠

إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ ١٧١

1 isteri nabi Lut a.s

172. Kemudian Kami hancurkan yang lain.

ثُمَّ دَمَرْنَا الْآخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

173. Kami hujani mereka dengan hujan (batu), maka amat buruk hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi peringatan.

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فِئْسَاءً مَطَرُ الْمُنْذَرِينَ ﴿١٧٣﴾

174. Sesungguhnya peristiwa itu mengandung satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٤﴾

175. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٧٥﴾

176. (Demikian juga) penduduk Aikah<sup>(1)</sup> telah mendustakan para rasul.

كَذَّبَ أَصْحَابُ آيِكَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧٦﴾

177. Ketika Syuaib berkata kepada mereka: «Mengapa kamu tidak bertakwa?»

إِذْ قَالَ لَهُمْ شُعَيْبٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

178. «Sesungguhnya aku ini rasul yang amanah (yang diutuskan) kepada kamu».

إِنِّي لَكُرْسُولٌ مُّأْمِنٌ ﴿١٧٨﴾

179. «Maka bertakwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku».

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا أَمْرًا ﴿١٧٩﴾

180. «Aku tidak meminta daripada kamu sebarang ganjaran mengenai apa yang aku sampaikan, ganjaranku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan semesta alam».

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَلَّا عَلَيَّ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٨٠﴾

181. «Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan,

﴿١٨١﴾ \* وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾

1 Iaitu penduduk Madyan, kaum nabi Syu'aib a.s.

dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain».

182. «Timbanglah dengan timbangan yang betul».

183. «Janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi».

184. «(Sebaliknya) bertakwalah kepada Allah yang telah menciptakan kamu dan umat-umat yang terdahulu».

185. Mereka menjawab: «Sesungguhnya engkau ini (Syuaib) hanyalah salah seorang daripada golongan yang kena sihir».

186. «Engkau hanyalah seorang manusia seperti kami, dan sesungguhnya kami rasa engkau ini daripada orang yang berdusta».

187. «Maka gugurkanlah ke atas kami ketulan (yang membinasakan) dari langit, jika engkau daripada orang yang benar!»

188. Syuaib berkata: «Tuhanku lebih mengetahui apa yang kamu lakukan».

189. Mereka tetap juga mendustakannya, lalu mereka ditimpa azab dengan suatu hari yang berawan mendung. Sesungguhnya kejadian itu merupakan azab hari yang amat dahsyat.

وَزِنُوا بِالْقِسْطِ أَيْ الْمُسْتَقِيرِ ﴿١٨٢﴾

وَلَا تَجْحَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالْجِيلَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٨٤﴾

قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمَسْحُورِينَ ﴿١٨٥﴾

وَمَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا وَإِنْ نَظُنُّكَ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿١٨٦﴾

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٨٧﴾

قَالَ رَبِّي أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨٨﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابٌ يَوْمَ الظَّلَامَةِ إِنَّهُ كَانَ عَذَابٌ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٨٩﴾

190. Sesungguhnya peristiwa itu mengandung satu tanda kekuasaan Allah, namun kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman.
191. Dan sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani
192. Sesungguhnya al-Quran diturunkan oleh Allah Tuhan semesta alam.
193. Ia dibawa turun (diajar) oleh malaikat Jibril yang amanah.
194. Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang daripada pemberi peringatan.
195. Dengan bahasa Arab yang fasih serta jelas.
196. Sesungguhnya (kisah dan sebahagian daripada peringatan-peringatan) al-Quran terdapat di dalam kitab-kitab agama orang yang terdahulu.
197. Tidakkah menjadi satu tanda kekuasaan kepada mereka bahawa pendeta-pendeta agama bani Israel mengetahui kebenaran al-Quran itu?
198. Sekiranya Kami turunkan al-Quran kepada sesetengah orang yang bukan Arab.
199. Kemudian dia dapat membacakannya kepada mereka,

إِن فِي ذَلِكَ لَآيَةٍ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٠﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٩١﴾

وَإِنَّهُ لَنَزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

وَإِنَّهُ لَنَفِي زُرِّي الْأَوَّلِينَ ﴿١٩٦﴾

أَوَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ آيَةٌ أَنْ يَعْلَمَهُ عُلَمَاءُ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٩٧﴾

﴿١٩٧﴾

وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَىٰ بَعْضِ الْأَعْجَمِينَ ﴿١٩٨﴾

فَقَرَأَهُ عَلَيْهِمْ مَا كَانُوا بِهِ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٩﴾

mereka tetap juga tidak mahu beriman.

- 200.** Demikianlah Kami masukkan perasaan (tidak percayakan Al-Quran) ke dalam hati orang yang berdosa.
- 201.** Mereka tidak beriman kepada al-Quran sehingga mereka melihat azab yang sangat pedih.
- 202.** Lalu azab itu datang menimpa mereka secara mengejut tanpa mereka menyedarinya.
- 203.** Maka mereka akan berkata (dengan menyesal): «Bolehkah kiranya kami diberikan tangguh?»
- 204.** (Jika demikian) maka patutkah mereka minta disegerakan azab Kami?
- 205.** Bagaimana pendapatmu (wahai Muhammad)? Jika Kami berikan mereka menikmati kesenangan bertahun-tahun.
- 206.** Kemudian mereka didatangi azab yang dijanjikan.
- 207.** Kesenangan yang mereka nikmati bertahun-tahun itu tidak akan dapat menolong mereka.
- 208.** Kami tidak membinasakan mana-mana negeri, melainkan setelah diutus kepadanya para rasul pemberi peringatan.
- 209.** (Yang) memperingatkan mereka, dan Kami tidak sesekali menzalimi sesiapa.

كَذَلِكَ سَلَكْنَاهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٠٠﴾

لَا يُؤْمِنُونَ بِهِ حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٢٠١﴾

فَيَأْتِيهِمْ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٠٢﴾

فَيَقُولُوا هَلْ نَحْنُ مُنظَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

أَفِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٢٠٤﴾

أَفَرَأَيْتَ إِن مَتَّعْنَاهُمْ سِنِينَ ﴿٢٠٥﴾

ثُمَّ جَاءَهُمْ مَا كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٢٠٦﴾

مَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَمْتَعُونَ ﴿٢٠٧﴾

وَمَا أَهْلَكْنَا مِنْ قَوْمٍ إِلَّا لَهَا مُنْذِرُونَ ﴿٢٠٨﴾

ذَكَرْنَاهُ وَمَا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٠٩﴾

210. Al-Quran itu pula tidak sesekali dibawa turun oleh para syaitan.
211. Malahan para syaitan itu tidak layak melakukan demikian, mereka juga tidak akan dapat melakukannya.
212. Sesungguhnya mereka dihalang sama sekali daripada mendengarnya.
213. Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, akibatnya engkau akan menjadi golongan yang dikenakan azab.
214. Dan berilah peringatan kepada kaum kerabatmu yang terdekat.
215. Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada pengikut-pengikutmu daripada orang yang beriman.
216. Kemudian jika mereka mengingkarimu, maka katakanlah: «Sesungguhnya aku tidak akan bertanggungjawab di atas apa yang kamu lakukan!»
217. Dan bertawakallah kepada Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
218. Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mendirikan sembahyang).
219. Dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang yang sujud.
220. Sesungguhnya Dialah jua yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

وَمَا تَنْزَلَتْ بِهِ السَّيِّطِينَ ﴿٢١٠﴾

وَمَا يَنْبَغِي لَهُمْ وَمَا يَسْطِيعُونَ ﴿٢١١﴾

إِنَّهُمْ عَنِ السَّمْعِ لَمَعْرُؤُونَ ﴿٢١٢﴾

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

وَاقْضِ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢١٦﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ ﴿٢١٧﴾

الَّذِي يَرِيكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٢١٨﴾

وَتَقَبَّلُكَ فِي السَّجْدِينِ ﴿٢١٩﴾

إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾

221. Mahukah Aku ceritakan kepada kamu, kepada siapakah para syaitan itu selalu turun?
222. Mereka selalu turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa.
223. Yang mendengar bersungguh-sungguh (apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu), sedangkan kebanyakannya adalah dusta.
224. Dan para penyair itu diikuti oleh golongan yang sesat.
225. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau tanpa hala tujuan di setiap lembah?
226. Dan mereka memperkatakan apa yang mereka tidak lakukannya?
227. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh. Mereka selalu mengingati Allah dan mendapat kemenangan selepas mereka dizalimi. (Ingatlah), orang yang melakukan kezaliman akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali kelak.

هَلْ أَنْبَيْتُمْ عَلِيَّ مَنْ تَنْزَلُ الشَّيَاطِينُ ﴿٢٢١﴾

تَنْزَلُ عَلَى كُلِّ آفَاكٍ أَثْبِيرُ ﴿٢٢٢﴾

يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْتُرُّهُمْ كَذِبُونَ ﴿٢٢٣﴾

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾

وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا ۗ  
وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

